

Pas hadapi konflik ciptaan sendiri

BH - 4/6/2007

Muktamar tiga hari dedahkan strategi kotor parti, sikap pentingkan diri

Oleh Ismail Mat

TELUNJUK lurus kelingking berkait. Itulah perumpamaan paling sesuai menggambarkan pendirian Pas, yang selesai bermuktamar selama tiga hari di Kota Bharu, semalam. Muktamar bersulamkan saingan sengit perebutan jawatan antara golongan profesional dan ulama bagi jawatan kanan keculi Presiden, juga bermatlamat menaikkan semangat ahlinya untuk menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Namun, kesimpulan dapat dibuat, pendirian pentingkan diri sendiri itu kekal menjadi pegangan parti yang mendakwa berteraskan Islam, dalam kerjasama dengan mana-mana pihak menjelang pilihan raya nanti. Sukar untuk menentukan pendirian Pas berdasarkan pelbagai lontaran kenyataan pemimpinnya diketuai Mursyidul Am, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat dan Presiden, Datuk Seri Abdul Hadi Awang itu.

Ketika lantang menuduh Barisan Nasional (BN) menggunakan pelbagai taktik memenangi pilihan raya selama ini sepanjang muktamar berlangsung, Dewan Ulama semalam, mendedahkan strategi kotor parti itu kepada umum. Ketua Dewan Ulama Pas yang baru, Datuk Mohamed Daud, dalam penggulungan perbahasannya dengan bangga dan lantang menyatakan Dewan itu menyediakan kertas kerja memindahkan undi untuk mempertahankan Kelantan.

Untuk menghalalkan tindakan memindahkan pengundi, beliau mengemukakan contoh langkah Khalifah Saidina Umar Al-Khattab, menghantar bantuan tentera dari Iraq ke Mesir. Pendedahan taktik parti itu disedari Pengerusi Tetap Muktamar Pas ke-53, Abu Kassim Abdullah, yang pantas memotong kata-katanya dan meminta bertukar kepada topik lain sebelum sempat Mohamed mengulas lebih panjang.

Pendedahan itu membuktikan sikap matlamat menghalalkan cara dalam Pas selama ini. Sama ada dirancang atau dilaksanakan parti itu dalam usaha mempertahankan Kelantan menjadi kubu terakhirnya kini.

"Taktik itu bukan penipuan, tetapi strategi berdepan musuh dalam pilihan raya," ulas seorang pemimpin Pas Kelantan dalam satu pertemuan dengan media, baru-baru ini.

INTI PATI

Masalah belunggu Pas

- Muktamar berlangsung selama tiga hari menyaksikan persilangan sengit perebutan jawatan antara golongan profesional dan ulama.
- Pendirian pentingkan diri sendiri kekal menjadi pegangan parti.
- Sukar menentukan pendirian Pas berdasarkan pelbagai lontaran kenyataan pemimpinnya.
- Dewan Ulama Pas menganggap kemahiran mereka hanya sekadar bidang fekah dan hukum semata-mata.
- Pas kini tersepit apabila Dewan Muslimatnya secara terbuka menuntut peluang lebih besar diberi.
- Banyak usaha perlu dilakukan parti untuk memulihkan maruah yang tercalar teruk pada pilihan raya umum lalu.

Jika dilakukan BN, perbuatan itu penipuan besar dan taktik kotor namanya, tetapi andainya dilakukan Pas, ia strategi dibenarkan Islam.

Kenyataan seorang pemimpin Pas baru-baru ini, bahawa usaha mempertahankan Kelantan pada pilihan raya umum adalah kewajipan semua ahli Pas dalam dan luar Kelantan, boleh mengukuhkan lagi alasan pemindahan pengundi dibuat.

Kenyataan Nik Abdul Aziz pula menyatakan hanya pengundi menyokong Pas pada pilihan raya umum akan datang, selamat dunia dan akhirat mungkin dianggap fatwa oleh ahli Pas, kini menimbulkan kekeliruan penyokong parti itu sendiri.

Lebih malang, ia turut mengelirukan ahli Pas, yang tertanya-tanya siapa hendak dipangkah di kawasan yang calon Pas tidak bertanding. Apa hukumnya, jika mereka memangkah sekutu Pas, Parti Keadilan Rakyat (PKR) atau parti pembangkang yang didakwa tidak bersekutu, tetapi hakikatnya mesra di belakang DAP.

Sedangkan, Pengarah Pilihan Raya Pas, Datuk Mustapha Ali, menyatakan dalam usaha berdepan BN, Pas kini perlu bekerjasama dengan semua pembangkang lain, bukan setakat PKR.

PKR sudah menyatakan perbincangan mengenai agihan kerusi dibuat dengan Pas dalam tempoh terdekat. Pada masa sama, PKR pastinya menyusun pertemuan membincangkan agihan kerusi dengan DAP.

Pastinya fatwa tidak sama selepas ini, perlu dilontarkan Nik Abdul Aziz dan Abdul Hadi bagi menarik pengundi bukan Islam yang cuba dipujuk menerusi penebuan Kelab Penyokong Pas. Namun, latar belakang kepemimpinan kelab itu pula wajar diselidiki pengundi dan ahli Pas yang prihatin. Apa faedah diterima pengurusan. Mungkinkah, tanah tinggi Lojing di Kelantan menjadi imbuhan?

Kemenangan penyandang Timbalan Presiden, Nasharuddin Mat Isa, menewaskan bekas Ketua Dewan Ulama, Datuk Harun Taib, dalam saingan dua penjurut mempertahankan jawatan itu, pasti menyaksikan pembaharuan berterusan dalam Pas. Kejayaan Nasharuddin memang diharapkan Nik Abdul Aziz sebelum ini, menyatakan kepentingan gandingan profesional dan ulama dalam Pas bagi memenangi hati generasi muda dan profesional pada semua peringkat.

Apatah lagi, Dewan Ulama Pas sendiri menganggap kemahiran mereka hanya sekadar bidang fekah dan hukum semata-mata. Usah diharap dalam bidang lain yang memerlukan kemahiran dan kepakaran profesional. Namun, kemenangan Nasharuddin dengan majoriti 207 undi apabila memperoleh 574 undi berbanding Harun, 367 undi, membuktikan perwakilan Pas mewakili 160 kawasan berbelah bagi dalam membuat pilihan.

Perwakilan yang mengharapkan pembaharuan diteruskan, masa sama bersikap waspada apabila memilih Ketua Penerangan Pas, Ahmad Awang, yang juga bekas Yang Dipertua Persatuan Ulama Malaysia sebagai Naib Presiden yang baru, pada kedudukan ketiga dengan undi 427, bagi mengimbangi keadaan.

Kemenangan Exco Kerajaan Kelantan, Datuk Husam Musa, sebagai Naib Presiden dengan undi terbanyak, 831 undi, sudah dijangka berdasarkan populariti semasa,

hasil kerja kuat pasukan pemikir dan propaganda yang dibentuk sebenarnya bermatlamat jangka panjang.

Pemilihan Mohamad Sabu bagi penggal kedua pula hanyalah disebabkan keupayaannya menarik ramai peminat di kalangan perwakilan dan ahli Pas seluruh negara masih leka dengan gaya temberang kosongnya.

Namun, siapa pun dipilih menganggotai Jawatankuasa Pas Pusat sesi 2007/2009 pada muktamar kali ini, mereka sebenarnya tidak mampu menjanjikan masa depan untuk rakyat negara ini.

Kenyataan Abdul Hadi bahawa tiada parti mampu membentuk kerajaan negara ini, berdasarkan kerusi dimenangi secara sendiri, sebaliknya perlu bersatu dengan parti teras adalah bukti hakikat pembangkang akan terus kekal membangkang.

Ketika BN berhasil mencari kesepakatan bersatu untuk bertanding bawah satu lambang di seluruh negara, Pas dan PKR pada hakikatnya masih terkial-kial mencari persamaan membentuk kesepakatan.

Sukar dinafikan, Pas masih mengharapkan pengaruh pemimpin de facto PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim, bagi merealisasikan impiannya menjadi parti teras orang Melayu di negara ini.

Pada masa sama, pemimpin PKR sebenarnya mahu bergantung kepada keupayaan jentera Pas yang lebih tersusun berbanding keupayaan sendiri, menimbulkan keadaan menyaksikan dua parti itu perlu berganding.

Namun, gandingan itu sebenarnya tidak menjanjikan kejayaan keculi berlaku perpecahan dalam BN khususnya Umno. Suatu hakikat perlu diakui berdasarkan kejayaan Pas di Kelantan dan Terengganu sebelum ini. Selepas sekian lama melontarkan kecaman terhadap Umno yang memberikan kedudukan tinggi kepada wanita dalam politik, Pas kini tersepit apabila Dewan Muslimatnya secara terbuka menuntut peluang lebih besar diberi.

Pendedahan Mustapha mengenai hanya jentera Pas di Kelantan, Terengganu, Kedah, Perlis dan Pahang melepasi tahap 60 peratus bersedia menghadapi pilihan raya, menunjukkan banyak usaha perlu dilakukan parti itu untuk memulihkan maruah mereka yang tercalar teruk pada pilihan raya umum lalu.